

**Ulasan Buku/*Book Review***

*Mobiliti Penduduk* oleh Abdul Samad Hadi. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. 1989. 184 hlm. Jadual, peta, rujukan. \$15.00

*Mobiliti Penduduk* oleh Abdul Samad Hadi merupakan satu lagi sumbangan ilmiah yang mengemukakan hasil dari berbagai kajian dari pelbagai pendekatan dalam penelitian mobiliti dan migrasi dalaman penduduk di negara Dunia Ketiga amnya, dan negara-negara rahtau ASEAN khususnya. Buku ini telah dibahagikan kepada empat bab utama. Bahagian kata pengantar menawarkan suatu kerangka pendekatan tentang fenomenan ledakan dan mobiliti penduduk yang berlaku melalui beberapa tahap persejarahan di negara dunia ketiga. Setiap tahap dibezakan mengikut tingkat pambandan, perindustrian dan pembangunan yang mempunyai pengaruh ke atas pola, isipadu, dan arah-aliran penduduk.

Sebagai contoh, mobiliti penduduk di Malaysia telah diperhatikan berlaku pada tiga tahap persejarahan. Tahap pertama merujuk kepada kedatangan penjajah Inggeris sebagai titik tolak kepada perkembangan dan perluasan proses pambandan dan perindustrian ala-Barat di negara ini. Akibatnya, wujud keadaan ketidak seimbangan pembangunan antara wilayah atau ruang bandar dan desa. Begitu juga struktur ekonomi dan fungsi sosial masyarakat setempat turut berubah. Lantas, berlakulah pengaliran keluar penduduk desa ke bandar dan pusat-pusat perdagangan dan perindustrian penjajah. Walau bagaimanapun, penawaran tenaga buruh tempatan yang terhad menjadi hambatan utama kepada aktiviti perdagangan dan perindustrian penjajah untuk berkembang dengan lebih pesat lagi. Maka, pergerakan masuk tenaga buruh asing telah berlaku, terutama daripada negara China dan India ke pusat-pusat perdagangan dan perindustrian penjajah.

Tahap kedua bermula selepas Perang Dunia Kedua. Suasana politik dan ekonomi negara yang agak stabil selepas perang bukan sahaja telah mempengaruhi kadar pertumbuhan semulajadi penduduk, tetapi juga membuka lebih banyak peluang kepada pergerakan penduduk yang bersifat dalaman dan antarabangsa ke negara ini.

Tahap ketiga merujuk kepada keadaan selepas merdeka. Walaupun kemerdekaan telah mempercepatkan proses perbandaran dan pembangunan ekonomi, tetapi ia tidak pula memperlihatkan perubahan struktural dalam aspek pembangunan ala-penjajah. Usaha-usaha pembangunan negara khususnya dalam aspek ekonomi masih

bermotifkan eksport dan ruang daripada segi ekonomi, sosial, politik dan pentadbiran terus wujud. Sejak perlancaran Rancangan Malaysia Kedua dan Dasar Ekonomi Baru, beberapa usaha telah dijalankan dalam menyusun semula dasar-dasar pembangunan dan kependudukan di negara ini. Dasar-dasar pembangunan negara terutamanya dasar pembangunan desa dan wilayah; dasar kependudukan; dasar pambandan dan perindustrian secara langsung mahupun tidak langsung yang ditumpukan ke arah mengurangkan keadaan ketidakseimbangan pembangunan antara wilayah telah mempengaruhi pola, isipadu dan arah aliran pergerakan penduduk di negara ini.

Sesungguhnya teras pendekatan penulisan ini adalah tertumpu kepada andaian-andaian yang tersirat dalam pendekatan pemodenan. Lantas, proses pambandan dan perindustrian telah diperhatikan sebagai gerakuasa pencetus kepada perubahan struktural dan mempengaruhi pergerakan penduduk. Pendekatan seumpama ini meskipun telah berjaya mengenalpasti proses-proses yang terlibat dalam mempengaruhi tindakan mobiliti dan migrasi penduduk, tetapi masih belum dapat memberi penjelasan yang lengkap. Pendekatan pemodenan ini masih belum dapat memperlihatkan bagaimanakah gerakuasa-gerakuasa pengeluaran tertentu telah bertindak melalui proses pambandan dan perindustrian dan seterusnya mencetuskan perubahan struktural dan mempengaruhi tindakan migrasi dan mobiliti penduduk. Saya berpendapat bahawa pendekatan pemodenan ini belum mampu menghubungkan bagaimana perluasan kuasa-kuasa kapitalis melalui proses pambandan dan perindustrian telah mentransformasikan struktur dan fungsi institusi sosial dan ekonomi masyarakat pinggiran. Lantaran itu, penerangan yang ditawarkan tidak dapat menghasilkan suatu analisis bagaimana gerakuasa-gerakuasa ekonomi nasional yang berteraskan ciri-ciri dan struktur kapitalisme memusnahkan asas-asas reproduksi saradiri desa dan seterusnya mempengaruhi pola, isipadu dan arah-aliran keluar penduduk desa.

Dalam bab pertama, Abdul Samad Hadi memberikan suatu liputan ringkas pelbagai pendekatan dan teori dalam meneliti fenomenan migrasi dalaman dan mobiliti penduduk. Penulis telah memperkenalkan beberapa pendekatan sains sosial dari disiplin geografi, ekonomi, sosiologi dan psikologi-sosial dalam menganalisis isu migrasi dan mobiliti penduduk. Dari pendekatan geografi, fenomena migrasi dan mobiliti penduduk dirumuskan sebagai mempunyai perkaitan yang rapat dengan faktor jarak dan persekitaran fizikal. Pendekatan ekonomi pula diperhatikan lebih menekankan kepada angkubah-angkubah kos dan faedah yang diberikan nilai ekonomi dalam mempengaruhi perlakuan dan buat-putusan migrasi. Sementara pendekatan sosiologi pula telah mengambilkira gabungan antara faktor struktural, misalnya tekanan-tekanan ekonomi, sosio-

budaya dan politik dalam menerangkan fenomenan migrasi. Akhir sekali, pendekatan psikologi-sosial yang mengambilkira faktor motivasi, nilai jangkaan dan kepuasan dalam mempengaruhi proses buat-putusan migrasi.

Sesungguhnya penulis masih belum dapat menawarkan suatu analisis teoritis yang mendalam lagi meyakinkan tentang kesesuaian setiap pendekatan tersebut dalam kajian migrasi dan mobiliti penduduk di negara dunia ketiga. Sebaliknya, penulis telah berpendirian *neutral* dengan menyerahkan kepada pertimbangan pengkaji sendiri untuk menentukan jenis pendekatan yang sesuai dengan kecenderungan, ideologi, kemahiran dan kemampuannya. Seterusnya, penulis menyarankan bahawa pengkajian ke atas fenomenan migrasi haruslah diselaraskan dengan latarbelakang disiplin, komitmen pengkaji terhadap sesuatu pendekatan, dan sejauhmana pendekatan tersebut dapat memberikan kefahaman menyeluruh tentang fenomenan yang dikaji. Penulis juga berpendapat bahawa dalam kajian migrasi, perubahan-perubahan yang berlaku pada peringkat makro (struktural) atau mikro (keluarga dan individu) tidak seharusnya dilihat secara terpisah, tetapi sebagai hasil daripada perubahan yang menyeluruh dalam sesuatu masyarakat.

Pandangan seumpama ini merupakan kritikan penulis ke atas kajian-kajian migrasi dan mobiliti penduduk yang setakar ini masih bersifat "orientasi-disiplin" sehingga penerangan yang dikemukakan masih terhad. Lantas, suatu penelitian perbagai disiplin telah disarankan dalam kajian migrasi dan mobiliti penduduk di negara dunia ketiga yang jauh lebih kompleks daripada pengalaman negara maju.

Bab kedua pula menawarkan suatu penelitian di peringkat teori dan empiri tentang konsep mobiliti dan migrasi penduduk. Penelitian ini penting kerana konsep mobiliti dan migrasi merupakan suatu konsep yang bukan sahaja boleh dikenalpasti berdasarkan pertimbangan faktor masa, ruang pentadbiran dan ekonomi semata, tetapi turut melibatkan pertimbangan yang tersirat dalam sistem sosial, budaya dan psikologi masyarakat yang dikaji. Keadaan ini memperlihatkan bahawa kajian tentang mobiliti dan migrasi adalah lebih kompleks dalam konteks masyarakat negara dunia ketiga. Misalnya, penulis merumuskan bahawa kedua-dua konsep mobiliti dan migrasi tidak dapat diperhatikan sebagai suatu yang sama dan dapat ditukar ganti. Sebaliknya, wujud dua klasifikasi dalam mobiliti penduduk: mobiliti fizikal yang bersifat mendatar dan mobiliti sosial yang bersifat menegak. Di samping itu, kajian serantau telah menunjukkan bahawa terdapat beberapa pola, isipadu dan arah aliran pergerakan penduduk yang berbeza-beza di negara dunia ketiga. Antaranya merujuk kepada pergerakan ulang-alik, migrasi berputar dan bermusim, migrasi pulang dan migrasi kekal. Penentuan kepada pola pergerakan yang berbeza-beza ini juga telah dikaitkan dengan

tingkat, kadar dan kepesatan proses pembandaran, perindustrian dan pembangunan yang berlaku di rantau ASEAN khususnya.

Perbincangan seterusnya pula ditumpukan kepada sumber maklumat dalam pengkajian migrasi dan mobiliti penduduk. Penelitian terperinci telah diberikan kepada setiap satu sumber: banci, sistem pendaftaran dan tinjauan persampelan. Beberapa kritikan tentang kelebihan dan kekurangan setiap sumber tersebut juga telah diperlihatkan. Misalnya, maklumat dari banci dan sistem pendaftaran tentang fenomenan migrasi dan mobiliti di negara ASEAN didapati masih kurang memuaskan. Banci hanya dapat memerihalkan fenomenan migrasi seumur hidup dan migrasi mutakhir. Sebaliknya, maklumat banci masih belum dapat memperlihatkan secara jelas pola, isipadu dan arah aliran dari bentuk mobiliti penduduk yang lain. Begitu juga dengan sistem pendaftaran, walaupun merupakan sumber maklumat migrasi dan mobiliti penduduk yang unggul, tetapi dalam konteks negara dunia ketiga masih kurang lengkap dan memiliki tingkat kebolehpercayaan dan kesahihan yang rendah. Seterusnya, tinjauan persampelan meskipun dapat memenuhi semua matlamat pengkaji, tetapi liputan masa dan ruang kajian yang terhad telah menyukarkan pembentukan suatu rumusan yang lebih menyeluruh dalam konteks masyarakat yang lebih luas.

Penulisan dalam bahagian kedua bab ini memaparkan bukti-bukti empiri dari kajian serantau tentang pola, arah dan isipadu pergerakan penduduk di rantau ASEAN. Penelitian juga telah ditumpukan kepada perbezaan ciri-ciri demografi, sosial dan ekonomi migran. Bahagian terakhir bab ini pula menumpukan perhatian kepada penentu-penentu makro dan mikro yang mempengaruhi pola, arus dan isipadu migrasi penduduk desa. Penentu-penentu makro ini telah diklasifikasi kepada enam kategori: keadaan tempat; ciri-ciri ekonomi dan sosio-budaya penduduk; ciri-ciri demografi penduduk; struktur ekonomi, sosial dan politik masyarakat; dasar dan institusi negara; dan jarak antara tempat. Sementara penentu-penentu mikro pula melibatkan aspek psikologi penduduk dalam proses buat-putusan migrasi dan penyesuaian selepas berhijrah. Ini merujuk kepada aspek motivasi, jangkaan nilai dan kepuasan yang berkaitan rapat dengan keadaan fizikal, ekonomi, sosial dan budaya migran tersebut.

Sesungguhnya, perbincangan dalam bab kedua ini menunjukkan beberapa kekurangan. Sebahagian besar daripada penulisan ini tertumpu kepada mobiliti dan migrasi dalaman penduduk antara wilayah dan ruang pentadbiran desa-bandar. Ini menjadikan pergerakan penduduk dari satu petempatan ke petempatan lain dalam ruang pentadbiran atau wilayah yang sama kurang mendapat perhatian. Tekanan penulis kepada pergerakan dalaman bersifat desa-bandar menjadikan penelitian terhadap pola pergerakan penduduk desa-desa, bandar-desa, bandar-bandar dan

migrasi antarabangsa tidak mendapat perhatian sewajarnya. Lantaran itu, penulisan ini belum dapat memberikan suatu gambaran sebenar lagi menyeluruh tentang fenomenan mobiliti penduduk dalam konteks negara dunia ketiga.

Perbincangan dalam bab ketiga telah dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Bahagian pertama menumpukan perhatian kepada alur-aliran masuk migran ke bandar. Berdasarkan kajian serantau, alur-aliran masuk migran ke bandar berlaku melalui tiga peranan utama: jaringan sosial berasaskan ikatan kekeluargaan, kekerabatan dan persahabatan; jaringan institusi kerajaan atau swasta yang formal; dan peranan organisasi/institusi serantau. Di samping itu, jaringan sosial dan institusi formal dan serantau ini juga berperanan dalam menentukan tingkat penyesuaian migran di bandar. Faktor-faktor lain yang turut menyumbang kepada proses penyesuaian tersebut termasuklah keadaan perumahan, taburan migran dan struktur ekologi bandar.

Bahagian kedua pula melibatkan perbincangan tentang struktur pekerjaan migran di bandar. Penulis merumuskan bahawa struktur pekerjaan migran berkait rapat dengan struktur ekonomi bandar dan struktur pasaran buruh bandar. Penulis telah membahagikan struktur ekonomi bandar negara dunia ketiga kepada dua bentuk kegiatan. Pertama, kegiatan informal yang berteraskan ciri-ciri intensif buruh, rendah daya pengeluaran, berskala kecil dan mudah dimasuki. Kedua, kegiatan formal dengan ciri-ciri berintensif modal, daya pengeluaran tinggi, berskala besar dan sukar dimasuki. Walau bagaimanapun, penulis berpendapat bahawa pembahagian sedemikian tidak pula memperlihatkan keadaan sebenar struktur ekonomi bandar negara dunia ketiga. Penulis mengakui bahawa kegiatan-kegiatan ekonomi bandar yang tertentu sukar dikelaskan sebagai formal atau tidak formal. Lantas, model formal-tidak formal ini harus diperluaskan supaya pengetahuan kita tentang struktur ekonomi, pasaran buruh dan pekerjaan migran di bandar dunia ketiga dapat diperkemaskan lagi.

Penumpuan penulis kepada pengaruh kegiatan ekonomi bandar dan struktur pasaran buruh bandar ke atas struktur pekerjaan migran bandar semata-mata telah membatasi perbincangan ini dalam konteks yang lebih luas. Kritikan ini merujuk kepada kegagalan penulis mengambilkira bagaimana struktur ekonomi desa dan struktur pasaran buruh desa turut mempengaruhi pergerakan dan penglibatan migran dalam pekerjaan di bandar. Misalnya, penglibatan migran dalam sesuatu pekerjaan bandar berkait rapat dengan pengalaman dan tekanan struktur ekonomi dan pasaran buruh desa. Seterusnya, kegagalan penulis mengambilkira pola pergerakan dalaman penduduk desa-desa dan bandar-desa menyebabkan wujud masalah mengenalpasti bagaimanakah struktur ekonomi desa dan

pasaran buruh telah mempengaruhi pergerakan dan peglibatan migran dalam pekerjaan di desa dan bandar.

Bahagian ketiga pada bab ini menumpukan perhatian kepada kesan migrasi dalaman pada tiga peringkat ruang dan anggota masyarakat. Peringkat pertama merujuk kepada kesan migrasi ke atas individu migran, terutama dalam pencapaian ekonomi, status sosial, kepuasan diri dan kepimpinan. Peringkat kedua pula menumpukan perhatian kepada kesan migrasi ke atas pertumbuhan penduduk dan perkembangan bandar; peningkatan aras, kadar dan proses pembandaran; dan pemasalahan yang wujud akibat kepadatan penduduk bandar. Misalnya, migrasi secara pesat ke bandar dunia ketiga telah menimbulkan kesan negatif kepada ruang dan masyarakat bandar. Ini termasuklah masalah ketidak seragam taburan penduduk antara kawasan, meningkatnya harga tanah, wujudnya kawasan sesak dan perumahan setinggian, kemudahan asas bandar yang kian merosot, dan pengangguran terbuka. Kesan positif daripada migrasi ke bandar merujuk kepada bekalan tenaga buruh murah di bandar. Peringkat ketiga meneliti kesan migrasi ke atas ruang dan masyarakat desa. Penulis mendapati migrasi keluar desa di negara dunia ketiga tidak memutuskan langsung jaringan dan ikatan desa-bandar. Ikatan desa-bandar masih diteruskan dengan tindakan menziarahi tempat asal; mengirimi wang dan barangan melalui pos; atau membuat panggilan telefon. Penerusan jaringan dan ikatan desa-bandar ini telah menimbulkan berbagai kemungkinan dari aspek ekonomi, sosio-budaya dan politik kepada kawasan desa. Misalnya, ikatan tersebut telah menyebabkan berlakunya pengaliran wang, barangan, tenaga buruh dan idea-idea baru dari bandar ke desa dan sebaliknya. Di samping itu, migrasi keluar desa juga turut mempengaruhi perubahan pada struktur kependudukan, ekonomi, sosial dan kepimpinan politik desa. Lantas, ini turut mempengaruhi usaha-usaha pembangunan di peringkat kampung, wilayah dan negara.

Tumpuan penulis yang keterlaluan kepada aspek negatif migrasi desa-bandar telah menyebabkan perbincangan dalam aspek positif kurang mendapat perhatian. Begitu juga, akibat kegagalan penulis mengambilkira pola pergerakan penduduk desa-desa, bandar-desa, bandar-bandar dan migrasi antarabangsa, maka perbincangan tentang implikasi sosial, ekonomi dan politik secara berbeza-beza ke atas migran, kawasan desa dan bandar tidak dapat dinyatakan dengan jelas.

Perbincangan dalam bab keempat meliputi hubungan antara dasar pembangunan negara dan mobiliti penduduk di negara dunia ketiga. Pada umumnya, penulis mendapati bahawa dasar pembangunan negara dunia ketiga mempunyai pengaruh secara langsung dan tidak langsung ke atas pergerakan penduduknya. Antara dasar dan strategi pembangunan negara mempunyai pengaruh langsung termasuklah dasar pembangunan desa dan

wilayah; dasar pambandaran negara; strategi pembangunan desa bersepadu; strategi pembangunan pekan kecil, bandar kecil dan bandar; dasar pembangunan menereusi pusat pertumbuhan; dasar penumpuan pembangunan bandar utama; dan strategi menyekat penghijrahan ke bandar utama. Sementara, dasar dan strategi pembangunan yang mempunyai kesan tidak langsung merujuk kepada strategi pembangunan setempat melalui rancangan buku hijau dan reformasi tanah; program kemajuan pembangunan bandar besar; strategi pembangunan bandar utama; dan dasar penyelerakan industri ke bandar-bandar kecil. Penulis mengakhiri penulisan ini dengan menegaskan bahawa campur tangan kerajaan terutama di negara dunia ketiga melalui pembentukan dasar pembangunannya boleh secara langsung dan tidak langsung mempengaruhi taburan penduduk di negara Dunia Ketiga.

Pada keseluruhannya, para penulis telah berjaya menghasilkan suatu penulisan yang penting dalam memahami perkaitan antara proses pambandaran, perindustrian dan pembangunan negara dengan proses mobiliti penduduk yang kompleks sifatnya dalam konteks negara dunia ketiga. Penulis telah berjaya merumuskan suatu pemerhatian menyeluruh pada peringkat teori dan empiri tentang pola, isipadu dan arah-aliran; ciri-ciri migran; penentu desa kesan migrasi desa-bandar pada peringkat makro dan mikro di rantau ASEAN ini. Di samping itu, penulis juga telah memberikan penelitian terhadap dasar dan strategi pembangunan negara dunia ketiga dalam mempengaruhi proses pergerakan dan taburan penduduknya. Berikutan daripada kejayaan penulis ini, maka saya beranggapan bahawa buku ini amatlah perlu diberikan perhatian sewajarnya oleh pelajar dan pengkaji-pengkaji yang berminat dalam bidang ini.

**Mustaffa Omar**

Program Pengajian Desa dan Bandar

Fakulti Sains Pembangunan

Universiti Kebangsaan Malaysia

